

'Ayah nak rehat lama'

■ Sembilan beradik yatim piatu hilang tempat bergantung

Mohamad Fahd Rahmat
news@nstp.com.my

dua berkata, ayahnya berubah sikap menjadi pendiam sebelum kejadian dan memberitahu ingin berehat 'lama-lama'.

Batu Pahat

"S"ekelip mata kami sembilan beradik jadi yatim piatu, dua tahun lalu ibu pergi dan kali ini ayah pula menyusul. "Memang sedih dan susah diterima lebih-lebih lagi adik lelaki yang baru berusia lapan tahun, tetapi kami kena reda," kata Zulkifli Sabuli, 22, yang kehilangan ayahnya, Sabuli Talib, 48, Isnin lalu selepas motosikal ditunggangnya dirempuh kereta di persimpangan lampu isyarat Sri Medan di sini, jam 11 malam.

Dua tahun lalu, ibunya, Aslimah Sapani, 42, meninggal dunia akibat paru-paru berair di Hospital Sultanah Nora Ismail.

Zulkifli yang juga anak ke-



SABULI maut selepas motosikal ditunggangnya dirempuh kereta di persimpangan lampu isyarat Sri Medan, Isnin lalu.



ZULKURNAIN dan Suhara (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Zulkifli di Kampung Parit Ju, semalam.

"Sebelum ayah keluar, saya berborak dengannya, tetapi dia tidak bercakap banyak dan menyatakan mahu keluar minum.

"Saya rasa tidak sedap hati dan perasan ayah menjadi pendiam dua tiga hari sebelum kematiannya.

"Ayah suka bergaul, peramah dan ceria tetapi sudah tertulis dia pergi meninggalkan kami," katanya, semalam.

Menurutnya, tanggungjawab digalas selaku anak lelaki sulung kini semakin besar dan berharap mereka adik-beradik dapat menjaga antara satu sama lain.

"Saya berharap pelajaran adik tidak terganggu dengan dugaan hebat ini," katanya.

Katanya, tiga daripada adiknya menduduki peperiksaan iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Medan Datuk Zulkurnain Kamisan dan Pengurus Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Cawangan Batu Pahat Suhara Mustafa turut menziarahi keluarga berkenaan di Kampung Parit Ju, Sri Medan di sini.

Suhara berkata, waris keluarga berkenaan mendapat pampasan iaitu Faedah Pengurusan Mayat (FPM) RM2,000 dan pencen penakat bermula April depan.

"Bayaran pencen ini berterusan sehingga anak bongsu berusia 21 tahun atau sehingga tamat pengajian di peringkat ijazah Sarjana Muda," katanya.

Sementara itu, Zulkurnain berkata, pihaknya merujuk kes berkenaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) untuk bantuan bu-
lanan.

'Dapat rumah bawah nikmat besar'

Kuala Lumpur: Kepadayan Siti Zailah Zainal, 40, mendukung anak istimewa dan kerusi roda menuruni tangga dari tingkat dua rumah sewa didiaminya setiap hari mendapat perhatian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL Wan Mohd Ghazali Nor berkata, nama ibu tunggal itu dimasukkan dalam senarai kerana dia menepati semua syarat permohonan.

Beliau berkata, Siti Zailah dan dua anaknya dipindahkan ke unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah seliaan DBKL dalam masa terdekat.

"Kami juga bantu ibu tunggal itu dengan merujuk kes kepada Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mendapatkan bantuan bayaran sewa rumah setiap bulan," katanya, semalam.

Wan Mohd Ghazali berkata demikian ketika mengulas perkembangan permohonan Siti Zailah yang



Kalau dapat rumah paling bawah menjadi nikmat tidak terhingga kerana sudah penat melalui macam-macam dugaan sepanjang duduk di rumah tanpa lif"

Siti Zailah

memerlukan PPR tingkat paling bawah untuk memudahkan pergerakan membawa anak istimewa cerebral palsy (CP).

Selama tiga tahun, ibu tunggal itu yang mengalami masalah lutut menanggung azab mendukung Nur Nia Alisha bersama kerusi roda seberat 38 kilogram setiap kali menu-
runi anak tangga di ru-

mah sewanya.

Menurut Wan Mohd Ghazali, permohonan wanita itu diterima sejak dua tahun lalu, namun pihaknya mengambil masa lama meluluskannya kerana perlu menunggu kekosongan.

Menurutnya, pihaknya

menerima 63,000 permohonan namun jumlah kekosongan unit PPR di bawah seliaan DBKL amat terhad.

Sementara itu, Siti Zailah amat bersyukur jika permohonannya menduduki PPR di tingkat paling bawah di-

luluskan DBKL. "Kalau dapat rumah paling bawah menjadi nikmat tidak terhingga kerana sudah penat melalui macam-macam dugaan sepanjang duduk di rumah tanpa lif.

"Apabila soal rumah ini selesai, saya bercadang mahu berniaga untuk tambah pendapatan," katanya yang bergantung kepada bantuan JKJM sebanyak RM550 sebulan.

Orang ramai yang ingin meringankan beban ibu tunggal ini boleh menyalurkan sumbangan di akaun Maybank 162021420940 atas nama Siti Zailah Zainal.



LAPORAN Harian Metro, semalam



ANTARA individu yang ditahan dalam Op Cegah, semalam.

Hulu Langat

Amuk tak makan nasihat ibu bapa

Mengamuk dan melepaskan kata-kata kesat terhadap ibu bapa selepas dinasihati berhenti menagih dadah.

Itu tindakan biadab lelaki berusia 36 tahun yang baru dibebaskan dari tahanan reman atas kesalahan dadah Isnin lalu.

Lelaki terbabit bagaimanapun sekali lagi ditahan sepasukan anggota penguat kuasa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Hulu Langat yang menjalankan Operasi Cegah (Op Cegah) di sekitar daerah ini malam kelmarin hingga pagi semalam. Penagih terbabit antara

lapan individu ditahan kerana menagih pelbagai jenis dadah.

Ketua Pegawai AADK Daerah Hulu Langat Muhammad Ramlan Syed Ahamed berkata, operasi itu dijalankan di empat lokasi membabitkan Semenyih, Bandar Baru Bangi, Cheras dan Kajang, di sini.

"Dalam operasi itu, kami menahan lelaki yang baru mengamuk selepas dinasihati ibu bapanya.

"Malah lelaki itu mengaku dia mengambil dadah semula kerana tertekan sebelum pergi ke rumah rakannya untuk melepaskan gian," katanya semalam.